

ATMA bangunkan sistem berkomputer hasilkan busana tradisional wanita Melayu

Reka bentuk paten baju 5 saat

BANGI - Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah membangunkan satu sistem lakaran baju tradisional wanita Melayu dikenali sebagai Hazi Attire yang hanya mengambil masa kurang daripada lima saat untuk mereka bentuk setiap paten baju berkenaan.

Menerusi sistem menggunakan perisian BusanaCad, paten tradisional wanita Melayu termasuk baju kebaya dan baju kurung melibatkan dengan pantas dapat dihasilkan dengan pantas berbanding menggunakan cara manual yang mengambil masa sehingga empat atau lima jam bagi setiap pasang baju.

Felo Penyelidik Kanan Bahagian Pakaian dan Tekstil Atma,

Prof. Madya Dr. Haziyah Husin berkata, perisian itu telah melalui proses penyelidikan dan pembangunan bermula pada tahun 2010 dan ia dijangka dapat dikomersialkan pada April ini.

"Saya memulakan projek ini setelah menerima dana sains kira-kira RM140,000 daripada kerajaan pada tahun 2010. Tujuan projek ini adalah menghasilkan pola (paten) baju wanita tradisional dengan cepat berbanding cara lama.

"Idea ini tercetus setelah saya meneliti corak dan bentuk pakaian tradisional wanita Melayu yang dipamerkan di muzium di seluruh negara. Jadi saya cuba untuk mengembalikan semula warisan ini kepada mereka yang berminat," katanya kepada

pemberita selepas Majlis Pelancaran dan Pameran Web-Based Malay Apparel Protocol di Perisai Canselor, UKM di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Akademik dan Antarabangsa UKM, Prof. Datuk Ir. Dr. Riza Atiq, Abdullah dan Pengarah Atma, Prof. Dr. Nor Hashimah Jalaluddin.

Haziyah berkata, Hazi Attire telah memperolehi sijil paten dan hak cipta di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (PHIM).

"Kepada syarikat yang berminat dengan sistem ini boleh melayari laman web *www.haziattire.my* untuk tempahan. Sebanyak 16 paten baju tradisional wanita Melayu telah disediakan antaranya baju kurung, baju kebaya, baju kebarung dan baju belah," katanya.



SEBAHAGIAN daripada busana tradisional wanita Melayu yang direka bentuk melalui sistem berkomputer, Hazi Attire dipamerkan di UKM, Bangi, semalam.